

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	25 APRIL 2015

# 30,000 Lotus dibina di China

Um-25/4/2015

Oleh **NABILA YASMIN RAZIB**  
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 24 APRIL



**MAHATHIR MOHAMAD**

**A**NAK syarikat Proton Holdings Bhd. (Proton), Lotus Group Intemational Ltd. merancang untuk memulakan pengeluaran sebanyak 30,000 buah kenderaan Lotus di China pada tahun ini.

Pengerusi Proton, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, langkah itu susulan daripada kerjasama yang dijalankan dengan syarikat dari China, Goldstar Heavy Industrial Co. Ltd. bagi mengembangkan kehadiran jenama Lotus di negara berkenaan.

"Kita telah berusaha untuk ini selama 13 tahun, hanya sekarang kita berjaya kerana China kini tidak lagi mengeluarkan lesen kepada pengeluar kenderaan di China.

"Melalui usahasama ini, kita masuk ke pasaran China dengan meng-

gunakan lesen mereka," katanya selepas menyampaikan syarahan anjuran Yayasan Kemajuan Kehidupan Manusia di sini hari ini.

Pada 17 April lalu, Proton memeterai Pejianjian Usahasama den-

gan Lotus Group Intemational Ltd., United Kingdom dan Goldstar Heavy Industrial Co. Ltd., bagi rancangan pengembangan perniagaan kenderaan Lotus di China.

Kerjasama itu bertujuan untuk mempercepatkan pembangunan kenderaan Lotus dalam segmen premium sukan di China, memanfaatkan insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan Wilayah Fujian.

Tim Mahathir berkata, Proton berhasrat untuk mengeluarkan kenderaan Lotus bagi pasaran China serta untuk dieksport ke negara-negara lain.

"Hasil keuntungan daripada pengeluaran tersebut akan diakru kepada Proton. Jumlah pengeluaran juga akan bertambah tetapi sudah tentu kita perlu keluaran di China.

"Pada masa hadapan kita berharap dapat mengeksport kenderaan ini ke negara luar dari China, termasuk Malaysia," katanya.

